




ADA PILIHAN BUANG FIBROID

Jika seseorang wanita tidak mempunyai sebarang gejala atau fibroid yang dialami tidak menjejaskan aktiviti harian, dia mungkin tidak memerlukan rawatan. Jika rawatan adalah perlu, ia mungkin dalam bentuk pengambilan ubat atau prosedur pembedahan.

Merawat fibroid dengan ubat

Suntikan GnRHA (gonadotropin-releasing hormone agonist) menjadikan badan wanita menghasilkan kuantiti estrogen lebih rendah yang secara tidak langsung, membuatkan fibroid mengecut.

GnRHA menghentikan kitaran haid tetapi tidak menjejaskan kesuburan selepas rawatan dihentikan. Namun begitu, fibroid akan membesar ke saiz asal selepas ubat dihentikan.



GnRHA boleh diberikan kepada pesakit sebelum pembedahan untuk mengecutkan fibroid tetapi ia hanya untuk kegunaan jangka pendek. Ubat lain boleh diguna tetapi kurang berkesan untuk fibroid lebih besar; ini termasuk ubat anti-radang, piI perancang dan LNG-IUS (Levonorgestrel intrauterine system).

Merawat fibroid dengan pembedahan.

Bergantung pada gejala, pesakit mungkin perlu menjalani pembedahan. Beberapa perkara penting perlu diambil kira sebelum pakar memilih berdasarkan jenis dan kaedah

pembedahan.

Perkara yang penting ialah sama ada wanita itu mahu melahirkan anak lagi atau tidak, dan kedua, sama ada dia juga mengalami kekenderuan rahim atau tidak.

Bagi wanita yang masih muda dan mahu melahirkan anak serta mengalami masalah kesuburan, pembedahan biasanya dilakukan melalui perut di mana pertumbuhan fibroid sahaja yang dibuang. Pembedahan ini dinamakan myomektomi.

Myoma ialah nama bagi pertumbuhan fibroid. Namun, ia kadangkala menimbulkan masalah jangka panjang yang mana fibroid mungkin tumbuh lagi di bahagian lain rahim dan menimbulkan gejala kesihatan yang akhirnya mungkin memerlukan satu lagi pembedahan ketika mana rahim dan pertumbuhan itu perlu dibuang secara menyeluruh.

Pembedahan mutlak bagi wanita menghidap fibroid, khususnya yang tidak bercadang untuk melahirkan atau menjangkau umur lebih 40 tahun serta menimbulkan pelbagai masalah kesihatan ialah pembedahan hysterektomi.

Ramai juga wanita yang tidak gemar menjalani pembedahan hysterektomi kerana akan menyebabkan dia kehilangan rahim, iaitu lambang kewaritan mereka.

Tanpa rahim, tiada lagi haid. Sebenarnya, seseorang wanita yang menghidap penyakit dalam rahim dan tidak lagi mahu melahirkan anak tidak perlu memikirkannya kerana rahim hanya berfungsi untuk mengisi dan melindungi janin dalam kandungan.

Rahim juga tidak penting dalam menginginkan hubungan seksual yang memuaskan tetapi haid itu sebenarnya tanda bahawa seseorang tidak mengandug. Jika seseorang wanita hamil maka haidnya akan

berhenti.

Kesimpulannya, masalah ini memang kerap berlaku dalam kalangan wanita. Bagi wanita sudah menopause, mereka perlu mendapatkan rawatan sekiranya mengalami tanda menopause yang teruk.

Dalam hal ini, suami perlu memberi sokongan sewajarnya untuk isteri dalam meneruskan kehidupan seharian termasuk dalam hubungan suami isteri.

Selain itu, wanita perlu menjalani ujian PAP smear secara berkala untuk mengesan kanser serviks dan fibroid. Fibroid yang aktif dan cepat membesar juga berbahaya bagi wanita.

Wanita yang sudah menjalani pembedahan perlu mengamalkan gaya hidup sihat, pemakanan yang ideal serta melakukan senaman yang bersesuaian apabila mereka pulih sepenuhnya. Bertumpu dengan doktor untuk mendapat nasihat selanjutnya.